

Muara sungai kian cetek

Permohonan dibuat sejak 31 tahun lalu, nelayan terpaksa labuh bot di tengah laut bimbang enjin rosak



BANTU...nelayan terpaksa menolak bot ke arah muara sungai yang cetek akibat timbunan pasir dan runtuh batu kerikil.

>>Oleh Arifin Salleh

am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Banyak aduan sudah dikemukakan, namun tiada tindakan diambil bagi membantu sekumpulan nelayan di Dewan Undangan negeri (DUN) Kuala Linggi, di sini, yang berdepan masalah muara sungai cetek sehingga menyukarkan urusan harian menangkap ikan.

Keadaan bertambah rumit apabila berlaku runtuh batu kerikil yang disusun di pinggir muara Kuala Sungai Baru, dekat sini, menyebabkannya semakin cetek hingga memaksa sekumpulan nelayan mengharungi risiko setiap kali keluar mencari hasil pendapatan.

Mereka turut berdepan ancaman kerosakan enjin bot disebabkan keadaan muara cetek, sekali gus terpaksa melabuhkan bot di tengah laut bagi mengelak tersangkut dan berdepan menanggung beban kerugian.

Ahli Lembaga Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB), Mohd Nor Che Mat berkata, beberapa sampan dan bot tersadai di jeti tanpa meraih hasil laut, malah nelayan terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit.

"Pelbagai aduan dan permohonan sudah dibuat untuk membantu nelayan di sini, namun hingga hari ini masih tiada penyelesaian, malah keadaan muara sungai semakin teruk dan menjejaskan kerja kami.

"Kebanyakan nelayan dan pengusaha laut dalam yang



MOHD NOR...pendapatan nelayan terjejas

menggunakan bot seberat 40 tan ke atas terpaksa menggunakan bot lebih kecil bagi mengelak tersekat di muara sungai, tetapi enjin bot tetap tersangkut," katanya.

Difahamkan, keadaan muara cetek berlarutan sejak enam bulan lalu selepas kerja pembersihan dilakukan kerana jumlah pasir dan batu kerikil makin banyak di dasar muara.

"Kami hanya bergantung sara hidup dengan hasil tangkapan ikan, tetapi jika keadaan muara berterusan begini bagaimana kami hendak mendapatkan hasil laut, belum lagi sekiranya cuaca tidak baik dan musim tengkujuh.

"Ramai yang terkandas di hujung muara sungai untuk memungkah hasil tangkapan ke jeti dan keadaan semakin teruk apabila ramai nelayan tak dapat keluar ke laut disebabkan muara sungai cetek.

"Jika tidak turun ke laut, ke mana lagi kami hendak cari makan nak menyara keluarga yang ramai? Ha-

silnya belum tentu berbaloi, tetapi kami terpaksa tanggung semua kerugian itu kerana kebajikan nelayan terabai.

"Kami minta pihak berkenaan ambil perhatian, binalah benteng pemecah ombak menghala ke arah laut dan bukan mengorek muara sungai setiap tiga bulan sekali kerana ia tidak berkesan.

"Jika buat sekali dengan kos yang tinggi hasilnya boleh bertahan lama," katanya.

Menurutnya, permohonan pengubahsuaian muara sungai ini sudah dikemukakan sejak 31 tahun lalu dan setiap kali itu juga nelayan terima jawapan yang sama dengan pihak terbabit melakukan kerja memberihkan sungai dengan mengorek pasir.

"Tak sampai sebulan dikorek, keadaan muara kembali cetek semula dan mengganggu aktiviti harian nelayan, lebih baik kami terus kemukakan masalah ini terus kepada kerajaan pusat untuk mendapatkan jawapannya.

"Lebih mengecewakan apabila ada kalangan nelayan yang sudah meninggal dunia, tetapi yang dijanjikan sejak bertahun lalu belum tertunai, mungkin kami terpaksa tunggu pemimpin meninggal baru dapat peruntukan.

"Sehingga ke hari ini tiada seorang wakil daripada pihak berkaitan muncul bertanya masalah yang kami hadapi dan saya minta pihak berkaitan turun melihat sendiri keadaan ini bukan hanya buat kenyataan dari atas kerusi," katanya.